

ANALISIS KEPERLUAN BAHASA PELAJAR: KONSEP DAN MODEL

Oleh:

Rohaidi bin Habil*

Abstrak

Kertas ini secara ringkas membincangkan tentang definisi keperluan dari segi bahasa dan dari sudut pandangan pakar pendidikan sama ada dari aliran lama dan baru. Turut dibincangkan tentang konsep kurikulum berpusatkan pelajar serta peranan analisis keperluan (NA) dalam pembentukan kurikulum pendidikan bahasa. Beberapa model yang digunakan dalam NA dan telah menjadi bahan perbincangan di kalangan pakar perancangan kurikulum di barat juga dikemukakan dalam kertas ini.

Pendahuluan

Analisis keperluan (NA) ataupun penilaian keperluan memainkan peranan penting di dalam pembelajaran bahasa. Ianya telah diperbincangkan dengan ketara di dalam literatur pengajaran bahasa semenjak 30 tahun kebelakang apabila pakar-pakar kurikulum mengenengahkan konsep pendidikan berpusatkan pelajar. Secara umumnya, ia telah diterima sebagai langkah penilaian pertama sebelum merangka struktur dan isi kandungan bagi satu-satu kursus bahasa. NA adalah satu proses yang kompleks di mana pada kebiasaannya diikuti oleh perancangan silibus, pemilihan bahan kursus, pengajaran, pembelajaran serta penilaian

* Penulis adalah pensyarah di Jabatan Bahasa Arab Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri.

kursus tersebut. Walaubagaimanapun, pelajar seringkali mendapati kesukaran untuk menyatakan dengan tepat keperluan bahasa yang mereka ada. Mereka juga tidak dapat membeza di antara keperluan, kehendak dan minat. Walaupun ketiga-tiga konsep adalah berkaitan satu sama lain, adalah penting bagi guru dan perancang kurikulum agar sedar akan kesannya kepada pembelajaran yang berjaya. Rangsangan lain yang membawa kepada pembelajaran berjaya ialah menyesuaikan kursus yang ditawarkan mengikut keperluan pelajar.

Pengertian Dan Bentuk Keperluan

Apakah dia keperluan? Sebagaimana yang terdapat di dalam Kamus Dewan, keperluan membawa bermaksud sesuatu yang diperlukan, sesuatu yang berguna, keharusan, kemestian, kepentingan, kehendak, maksud dan tujuan¹. Keperluan banyak diperbincangkan di dalam ilmu psikologi kerana ianya berkaitan dengan perasaan dalaman seseorang individu.

Menurut Sharifah Alwiah Alsaghoff keperluan adalah kehendak atau kemahuan individu yang dibuat untuk mengurangkan atau membetulkan keadaan kekurangan, kekacauan dan keadaan tidak seimbang berhubung dengan diri individu tersebut. Keinginan dan kehendak yang mengurangkan keadaan tersebut diberi nama dorongan (motivasi). Keperluan tersebut mungkin dalam bentuk fisiologi ataupun psikologi. Keperluan fisiologi muncul kerana manusia tidak mendapat ataupun mengalami deprivasi keperluan seperti makanan, minuman, seks dan sebagainya. Keperluan fisiologi juga mungkin muncul kerana dilanda oleh perkara-perkara yang tidak menyenangkan keadaan fisiologinya. Manakala keperluan psikologi pula lahir akibat hubungan di antara manusia dengan berbagai-bagai aspek persekitaran.² Dalam pendidikan bahasa, keperluan pelajar boleh kita simpulkan sebagai dorongan-dorongan ataupun faktor-faktor yang menimbulkan perasaan dalaman dan minat pelajar untuk mempelajari satu-satu bahasa.

Keperluan didefinisikan di dalam literatur pendidikan dan psikologi sebagai jurang di antara keadaan semasa (real) dan keadaan sepatutnya (ideal) di mana kedua-duanya diakui oleh nilai-nilai komuniti dan bersedia untuk diubah. Dengan kata lain, ia adalah jurang di antara "apakah ia" dan "apakah sepatutnya ia"³. Menurut Jack McKillip pula "A need is the value judgment that some group has a problem that can be solve"⁴. Terdapat empat aspek utama yang dapat disimpulkan dalam definisi tersebut iaitu:

- i Keperluan yang dikenalpasti akan melibatkan nilai.
- ii Sesuatu keperluan adalah kepunyaan kumpulan manusia tertentu.
- iii Masalah adalah hasil yang tidak memuaskan dan menghampakan jangkaan.
- iv Keperluan yang dikenalpasti akan melibatkan keputusan bahawa setiap masalah ada penyelesaiannya.

Menurut Hutchinson dan Waters⁵ pula pengertian keperluan dalam pendidikan bahasa adalah lebih luas meliputi tiga konsep asas yang lain iaitu:

- i Keperluan asasi (*necessities*) iaitu apa yang patut pelajar tahu agar mampu menggunakan bahasa dengan cekap dan berkesan mengikut situasi.
- ii Kekurangan (*lacks*) iaitu jarak perbezaan di antara apa yang sepatutnya pelajar tahu ataupun menguasainya dengan apa yang dia betul-betul tahu ataupun menguasainya.
- iii Kehendak (*wants*) iaitu apa yang pelajar melihatnya suatu perkara yang penting dan diperlukan.

Keperluan juga sering diertikan sebagai keperluan sasaran (*target needs*) dan keperluan pembelajaran (*learning needs*). Keperluan sasaran bermaksud apa yang pelajar perlu lakukan dalam situasi sasaran, manakala keperluan pembelajaran bermaksud apa yang pelajar perlu lakukan dengan tujuan untuk belajar. Analisis keperluan

sasaran bahasa melibatkan pengenalpastian aspek-aspek linguistik dalam situasi sasaran ataupun keperluan pelajar (*what is language needed for*), kekurangan (*what learner does not know*), dan keperluan (*what learner feels that s/he needs*). Jelas, analisis keperluan sasaran adalah mengenai bahagian-bahagian penting dalam penggunaan bahasa (*language use*). Analisis keperluan pembelajaran bahasa pula meliputi keadaan-keadaan dalam pembelajaran bahasa seperti kenapa pelajar mengikuti kursus, apa yang mereka cuba mencapainya, apakah sikap mereka terhadap kursus dan sebagainya.⁶

Seterusnya, ada dua pandangan yang berbeza mengenai mengenai penafsiran keperluan di kalangan pakar pendidikan bahasa kedua. Ini telah menyebabkan orientasi NA terbahagi kepada dua. Orientasi pertama adalah berdasarkan penafsiran keperluan yang sempit ataupun penafsiran berorientasikan produk (*product-oriented*) di mana keperluan pelajar adalah satu-satunya yang dilihat dalam terma bahasa yang akan digunakan dalam situasi komunikasi tertentu. Oleh itu, NA akan menjadi satu proses mencari sebanyak mungkin penggunaan bahasa "semasa" dan "masa depan" yang diperlukan oleh pelajar sebelum pembelajaran bermula. Manakala orientasi kedua adalah berdasarkan penafsiran keperluan yang luas ataupun penafsiran berorientasikan proses (*process-oriented*). Orientasi ini melihat keperluan pelajar sebagai seorang individu dalam situasi pembelajaran. Oleh itu, NA melalui orientasi ini akan cuba mengenalpasti dan mempertimbangkan keperlaksanaan pembolehubah afektif dan kognitif yang memberi kesan kepada pembelajaran seperti sikap pelajar, motivasi, kesedaran, personaliti, kehendak, harapan dan gaya pembelajaran.⁷

Sehubungan itu, keperluan juga digolongkan kepada dua bentuk iaitu keperluan objektif dan keperluan subjektif. Keperluan objektif merujuk kepada keperluan yang boleh dikesan dari berbagai jenis maklumat tentang pelajar, penggunaan bahasa mereka dalam situasi komunikasi dunia sebenar, kecekapan bahasa semasa dan kesukaran

yang didapati sewaktu mempelajari bahasa. Keperluan subjektif pula merujuk kepada keperluan kognitif dan afektif pelajar dalam situasi pembelajaran yang boleh dikesan dari faktor-faktor kognitif dan afektif seperti personaliti, keyakinan, sikap, kehendak dan harapan pelajar dengan memberi perhatian kepada stail dan strategi pembelajaran yang digunakan oleh mereka untuk mempelajari bahasa. Secara umumnya, keperluan subjektif pelajar amat sukar dikenalpasti berbanding keperluan objektif yang dapat dikumpul melalui kombinasi data peribadi, maklumat kecekapan bahasa dan corak interaksi pelajar.⁸

Keperluan Mengikut Pandangan Pakar Pendidikan

Tidak dinafikan pakar pendidikan telah bersepakat bahawa kurikulum pendidikan amat berkait rapat dengan keperluan pelajar di mana kurikulum berusaha memenuhi keperluan tersebut. Walaupun begitu, terdapat perselisihan berselisih pandangan di kalangan mereka dari aliran lama dan moden mengenai pengertian keperluan dan cara-cara memanfaatkannya semasa membina dan membangun kurikulum.⁹

Keperluan pelajar dilihat dari kaca mata pakar pendidikan aliran lama sebagai perkara-perkara yang akan diperlukan oleh pelajar pada masa depan dalam kehidupan mereka tanpa memberi perhatian kepada keperluan semasa mereka. Dengan kata lain, pembentukan generasi masa depan mengikut pandangan semasa golongan dewasa. Apa yang dilihat penting dan utama bagi pelajar selepas mereka tamat pengajian nanti dijadikan sandaran utama di dalam pembinaan dan pembangunan kurikulum, sedangkan apa yang diperlukan oleh pelajar pada masa sekarang diabaikan. Pandangan ini dikritik kerana boleh meyebabkan pelajar dibebani dengan matapelajaran-matapelajaran atau tajuk-tajuk yang tidak ada kaitan dengan kehendak dan masalah kehidupan seharian mereka. Ini seterusnya akan menjadikan matapelajaran tersebut kontang dan menutup peluang belajar dan minat seterusnya perkembangan

pelajar. Pandangan bahawa pelajar hari ini akan memerlukan pada masa depan mereka apa yang dirasakan oleh golongan dewasa adalah silap dan tidak bertepatan dengan perkembangan pengetahuan, masyarakat dan kehidupan kerana semuanya sentiasa dan terus berkembang dari masa ke semasa. Saidina Ali bin Abi Talib R.A ada menyebutkan bahawa¹⁰:

"ربوا أولادكم على غير ما تربيتهم عليه فإنهم خلقوا لزمان غير زمانكم"

"Didiklah anak-anak kamu lain daripada apa yang kamu pernah terdidik di atasnya kerana mereka dicipta bagi masa yang lain dari masa kamu".

Pakar pendidikan aliran moden pula mengutamakan keperluan pelajar semasa dan menganggapnya sebagai penggerak pertama bagi semua tingkah-laku manusia. Mereka menganggap bahawa di antara tugas-tugas asasi pendidikan ialah berusaha memenuhi keperluan pelajar dengan cara-cara yang sesuai yang dapat melaksanakan lebih banyak perkembangan pada individu dan masyarakat. Sekiranya pendidikan gagal memenuhi keperluan tersebut, ianya boleh mendorong mereka memenuhi kehendak mereka dengan cara yang salah dan boleh membahayakan diri dan masyarakat.

Keperluan juga berkait rapat dengan kecenderungan dan motivasi belajar di kalangan pelajar. Pelajar akan lebih cenderung dan bermotivasi untuk mempelajari sesuatu pelajaran sekiranya mereka merasakannya perlu dipelajari. Dr al-Damardasy menegaskan bahawa sebaik-baik motivasi atau dorongan ialah apa yang berkaitan dengan keperluan individu dan berusaha secara spontan ke arah mencapai matlamatnya.¹¹

Pakar pendidikan aliran moden juga berpendapat bahawa pengajaran yang baik adalah bermula dari keperluan individu di mana individu tersebut menjadi pusat bagi aktiviti pembelajaran (learner-center). Seseorang pelajar apabila ia merasai apa yang dipelajarinya, mengambil-berat tentangnya, mengetahui keperluannya, ia akan

merasakan bahawa pembelajarannya itu membawa faedah dan bernilai, bersemangat untuk memperolehiya dan tidak akan berasa penat, jemu dan malas walaupun perlu melakukan berbagai kerja ataupun tugas.

Kesimpulannya, NA amat penting dalam pembinaan kurikulum kerana sekiranya keperluan tidak dipenuhi ianya akan membawa kepada munculnya banyak masalah. Masalah-masalah tersebut biasanya membantut pembelajaran dan menghalang pengajaran yang berkesan. Kurikulum yang mengambil-berat tentang keperluan pelajar juga akan menjadikan mereka bermotivasi dan melipatgandakan usaha untuk menimba ilmu pengetahuan dan memperolehi beberapa kemahiran.

NA Dan Pengajaran Bahasa

Kemajuan dan perkembangan dunia menyebabkan, manusia bukan sahaja mempelajari bahasa ibunda mereka bahkan mempelajari bahasa-bahasa lain. Di Malaysia, pelajar-pelajar Melayu turut mempelajari bahasa Inggeris dan Bahasa Arab di samping bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda mereka. Berbandingkan bahasa Inggeris yang mula dipelajari semenjak penjajahan, bahasa Arab telah pun diajar dan dipelajari di Malaysia untuk sekian lama sebagai bahasa pengantar bagi ilmu-ilmu agama walaupun ia tidak ditutur secara meluas. Di dalam bidang pendidikan bahasa terdapat beberapa istilah yang perlu difahami dengan jelas agar sesuatu program atau kursus bahasa dapat berjalan dengan berjaya. Istilah-istilah tersebut ialah pengajaran bahasa asing (PBA), pengajaran bahasa kedua (PBK) dan pengajaran bahasa untuk tujuan-tujuan khas (PBUTK).

Menurut Dr Mahmud al-Naqah istilah pengajaran bahasa asing (PBA) dan pengajaran bahasa kedua (PBK) telah digunakan dengan makna yang sama untuk tempoh yang lama. Walaubagaimanapun, ada di kalangan pakar pendidik bahasa membezakan makna bagi kedua-

dua istilah mengikut kacamata pendidikan moden.¹² PBA bererti bahasa diajar di pusat-pusat pengajian sebagai satu sukatan pelajaran yakni satu matapelajaran seperti matapelajaran-matapelajaran lain. Objektif pengajaran bahasa pula ialah membekalkan pelajar kemampuan bahasa yang membolehkan mereka menggunakannya untuk tujuan-tujuan tertentu seperti membaca, menulis dan berkomunikasi secara lisan. Manakala PBK bererti mengajar bahasa tersebut sebagai bahasa kedua di mana bahasa yang diajar adalah bahasa pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan tersebut. Kebiasaannya hal ini terjadi disebabkan keperluan bahasa tersebut dalam kehidupan seharian, pekerjaan dan urusan rasmi. Oleh sebab itulah objektif, sukatan pelajaran dan teknik pengajaran ditentukan sebagaimana pengajaran bahasa ibunda.

Seterusnya, PBUTK adalah istilah yang bukannya baru dalam pendidikan bahasa terutamanya pendidikan bahasa Inggeris. Walaupun begitu, ianya adalah dianggap baru dalam pendidikan bahasa Arab kerana setakat yang diketahui belum banyak lagi kajian-kajian mengenainya dilakukan. PBUTK bererti pengajaran bahasa adalah berdasarkan tujuan khusus yang mana pengajaran tersebut dilakukan kerananya. Hutchinson dan Waters berpendapat bahawa pengertian terbaik bagi PBUTK adalah berkisar pada jawapan kepada soalan : Kenapa pelajar perlu mempelajari bahasa asing?. Jawapan kepada soalan tersebut amat berkaitan dengan pelajar yang mempelajari bahasa tersebut, bentuk bahasa yang hendak dipelajari, persekitaran yang berlaku padanya pembelajaran bahasa dan keperluan yang menentukan objektif di mana pelajar ingin mencapainya sama ada akademik atau pun sebaliknya.¹³ Secara ringkasnya, pelajar dan keperluannya adalah asas utama dalam pembentukan kurikulum PBUTK. Oleh itu, pembinaan kurikulum bahasa khas mestilah dimulakan dengan analisis keperluan pelajar terlebih dahulu.

Jika kita meninjau literatur pengajaran bahasa Inggeris, kita akan mendapati sebahagian besarnya telah membincangkan nilai

dan kepentingan NA di dalam pembangunan program ataupun kurikulum bahasa. Kepentingan dan kesan NA di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa telah diperakui bukan sahaja untuk pelajar PBUTK bahkan juga untuk pelajar PBK atau PBA secara umumnya.¹⁴ Kepentingan NA untuk kursus bahasa umum dapat dilihat dari pelbagai perspektif seperti kurikulum berpusatkan pelajar (*learner-centered curriculum*), kurikulum berasaskan tugasan, penilaian kecekapan, kurikulum berorientasikan kecekapan (*proficiency-oriented curriculum*) dan motivasi.

Dalam kurikulum berpusatkan pelajar, pemilihan kandungan melalui kajian dan perbincangan secara meluas dengan pelajar tentang keperluan pembelajaran dan minat mereka adalah penting. NA dapat membantu mencipta pelbagai aktiviti dalam kelas di mana pelajar sebagai pusat pembelajaran akan dapat menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari untuk memenuhi keperluan sebenar mereka dengan cara yang penuh bermakna. Pelajar pula akan lebih sensitif dengan keutamaan, kekuatan dan kelemahan yang wujud dalam diri mereka.¹⁵

NA juga banyak membantu dalam memahami keperluan setempat (*local needs*) bagi setiap pelajar ataupun keperluan kumpulan pelajar tertentu. Ia juga membantu untuk membuat pilihan yang praktikal terhadap kandungan, pedagogi dan penilaian untuk tujuan pembaikan satu-satu kurikulum.¹⁶ Oleh sebab itulah, NA sepatutnya menjadi pusat bagi komponen penilaian kecekapan di mana ianya bertujuan menguji kemampuan dan kecekapan pelajar untuk menjalankan tugas dalam situasi dunia sebenar.¹⁷ Ia juga adalah satu komponen pelengkap dalam silibus berasaskan tugasan. Tugasan yang disasarkan di kehidupan sebenar hendaklah dikenalpasti melalui NA.¹⁸

Kepentingan NA juga dapat dilihat apabila membina satu kurikulum berorientasikan kecekapan, ianya amat membantu untuk memahami

perbezaan potensi-potensi dalam pembelajaran yang dijangkakan berlaku dalam diri pelajar.¹⁹ Seterusnya, maklumat yang diperolehi daripada pelajar tentang satu program yang telah dirancang atau yang sedang berjalan melalui NA adalah asas ataupun titik permulaan kepada reka-bentuk, pelaksanaan, penilaian dan semakan bagi program tersebut.²⁰ Apabila satu program yang digubal cuba memenuhi keperluan pelajar yang diperhatikan (*students' perceived needs*), ianya akan lebih bermotivasi dan berjaya.²¹

Konsep Kurikulum Berpusatkan Pelajar

Pada masa dahulu, pendidikan melihat bahasa sebagai satu subjek yang diajar sebagai matlamat (غاية), bukannya sebagai perantaraan (وسيلة). Hal ini menyebabkan pengabaian banyak aspek fungsional (وظيفي) bagi satu-satu bahasa seterusnya membawa kepada banyak kesilapan dalam kurikulum pendidikan, metod pengajaran dan yang paling utama penentuan objektif pendidikan bahasa itu sendiri. Oleh sebab itulah, pendidikan moden menekankan pendekatan kurikulum berpusatkan pelajar sebagai penyelesaian kepada kesilapan-kesilapan tersebut.

Kesilapan pendidikan pada masa dahulu adalah kerana mengutamakan pertambahan pembendaharaan kata dan kata istilah yang janggal di dalam kurikulum di mana ianya adalah sekumpulan kaedah dan gaya bahasa yang perlu dihafal oleh pelajar. Tetapi malangnya, kebanyakannya tidak ada kaitan langsung dengan bahasa kehidupan mereka. Ini menyebabkan mereka tidak akan berminat dan menjauhkan diri dari mempelajari bahasa tersebut.

Seterusnya, kurikulum tersebut memberi kesan kepada teknik pengajaran di mana pelajar berada di situasi negatif kerana segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah berpusat kepada guru. Tugas guru

adalah menyampaikan ilmu (التلقين والإلقاء) manakala pelajar menerima dan menghafalnya. Oleh itu objektif pendidikan bahasa juga akan tertumpu kepada penghafalan pembendaharaan kata dan berbagai istilah bahasa yang merumitkan pembelajaran bahasa tersebut.

Manakala pendidikan moden melihat kepada bahasa sebagai pengantaraan untuk memahami ilmu-ilmu lain di samping ianya alat komunikasi di antara manusia. Oleh itu, pembelajaran bahasa perlu diasaskan kepada fungsi bahasa dalam kehidupan. Pelajar hendaklah tahu apa yang dipelajarinya adalah apa yang diperlukan olehnya dalam kehidupan nanti. Pelajaran bahasa juga mestilah mengutamakan latihan-latihan bahasa yang betul bukan hanya menghafal kaedah, definisi dan sebagainya yang jarang digunakan dalam pertuturan dan penulisan harian. Dengan kata lain, kurikulum pendidikan bahasa akan menjadikan pelajar sebagai pusat dan berusaha menjadikan pelajar mampu menguasai kemahiran-kemahiran bahasa: mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Guru akan melatih pelajar memahami apa yang disampaikan kepada mereka sama ada secara lisan mahupun bertulis. Seterusnya pelajar mampu mengungkapkan apa yang difikirkan secara lisan dan bertulis mengikut tatabahasa dan gayabahasa yang betul.

Peranan NA Dalam Pembangunan Kurikulum

NA pada asasnya adalah satu proses yang bersistematik dan berterusan untuk mendapatkan maklumat tentang keperluan dan keutamaan pelajar apabila mempelajari sesuatu pelajaran ataupun kursus bahasa. Maklumat yang dikumpul itu ditafsir dan dianalisa untuk membuat keputusan tentang kurikulum pelajaran ataupun kursus yang bersesuaian dengan keperluan tersebut. Keperluan tersebut diandaikan berbagai bentuk dan boleh berubah. Oleh sebab itulah, NA memainkan peranan penting di dalam pembinaan dan penilaian kurikulum terutama di dalam

pengajaran bahasa untuk tujuan-tujuan khas, untuk tujuan akademik dan pendidikan dewasa.²²

Dalam NA, guru bukanlah satu-satunya yang memainkan peranan menentukan keperluan pelajar. Bahkan pelajar juga perlu dilibatkan bersama untuk menentukan keperluan mereka mengenai pengetahuan ataupun kemahiran yang akan diperolehi dari pelajaran ataupun kursus yang dia ikuti. Oleh sebab itulah, kita mendapati banyak kursus tidak berjaya kerana tidak bertepatan dengan keperluan pelajar yang sebenar.

NA juga melibatkan institusi pendidikan, dan pemegang kepentingan (*stakeholders*)²³ termasuklah ibubapa dan penyumbang kewangan. Ini kerana objektif pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan di dalam kelas juga ditentukan oleh mereka. Institusi pendidikan mempunyai misi dan visi yang hendak dicapai dari program-program yang ditawarkan. Pemegang kepentingan juga mempunyai tujuan dan matlamat tertentu yang semestinya melibatkan keuntungan bagi pihak mereka. Begitu juga ibubapa dan penyumbang kewangan mahu memastikan kursus yang diikuti oleh seseorang pelajar betul-betul berguna kepadanya selepas tamat pengajian nanti.

Seterusnya, NA adalah penilaian keperluan yang merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang akan digunakan sebagai asas untuk membangunkan sesuatu kurikulum yang akan memenuhi keperluan pembelajaran bagi golongan pelajar tertentu. Di dalam pendidikan bahasa, keperluan-keperluan tersebut sudah tentulah berkaitan dengan bahasa. Apabila keperluan-keperluan tersebut dikenalpasti, ianya dapat dinyatakan di dalam terma matlamat dan objektif di mana akan menjadi asas kepada pembangunan isi kandungan, bahan dan aktiviti pengajaran seterusnya strategi-strategi penilaian. Ia juga menjadi asas kepada penilaian semula (*reevaluating*) terhadap ketepatan dan kejituan penilaian keperluan yang sebenar.

Oleh itu, NA adalah bahagian yang penting di dalam pembinaan kurikulum yang sistematik. Sebagai contoh, apabila sesuatu kurikulum akan dibina dari garis permulaan untuk satu program bahasa baru yang sempurna, cara terbaik untuk memulakannya ialah dengan melakukan NA. Walau bagaimanapun, untuk program tersebut berjalan dengan jaya dan mantap, ianya memerlukan kepada penilaian yang berterusan terhadap matlamat dan objektifnya sebagaimana kehendak pelanggan yang sudah tentu berubah setiap masa.

NA juga merupakan pendekatan teoritikal tentang motivasi. Secara teorinya, keperluan yang tidak disempurnakan akan mengakibatkan keadaan yang tidak dijangka, tidak sesuai atau salah akan berlaku. Dengan kata lain, keperluan di dalam pendidikan bahasa lebih tertumpu kepada keperluan psikologi pelajar yang mempelajari bahasa tersebut²⁴.

Metod-metod Pemerolehan Data Dalam NA

Untuk mendapatkan data untuk NA, beberapa metod biasanya digunakan oleh para pengkaji dalam bidang berkenaan. Di antara metod tersebut ialah soal selidik, interview, pendapat awam (*public hearing*), analisis petunjuk sosial (*analysis of social indicators*), pemerhatian dan pembacaan.²⁵

Soal selidik mempunyai banyak kelebihan untuk digunakan dalam NA. Ianya boleh disalin dan diedar serentak kepada ramai responden pada masa singkat dengan kos yang rendah. Soal selidik juga membenarkan ianya dijawab tanpa diketahui nama responden dan mengikut masanya sendiri. Data yang diperolehi secara terus dan biasanya seragam dan mudah difahami. Tetapi ada beberapa perkara yang perlu diambil perhatian sewaktu membina soal selidik agar data yang diperolehi betul-betul berguna iaitu pengetahuan pakar yang tinggi

dalam bidang tersebut dan kemahiran khusus dalam penulisan soalan-soalan berkaitan agar responden faham dan mampu memberi jawapan yang betul.

Interview digunakan dalam NA untuk meneliti isu-isu dengan lebih mendalam melalui pertemuan secara bersemuka. Oleh sebab itu, ia memerlukan lebih masa berbanding soal selidik dan bilangan responden yang lebih sedikit. Mutu interview banyak bergantung kepada kemahiran menemuduga seperti mewujudkan keserasian, mengemukakan soalan-soalan secara berurutan dan meneroka apa yang difikirkan oleh responden. Interview juga boleh dilakukan melalui telefon.

Data mengenai keperluan juga boleh didapati melalui pendapat awam ataupun forum komuniti dalam masa singkat. Ianya hendaklah dilakukan secara tidak formal agar peserta dapat meneliti dan membina ideanya melalui idea orang lain.

Data statistik yang diperolehi dari jabatan-jabatan tertentu juga boleh membantu untuk mengenalpasti keperluan. Dengan kata lain, statistik tersebut merupakan penunjuk sosial bagi keperluan secara tidak langsung dan pada kebiasaannya aliran ataupun kecenderungan tertentu yang muncul dapat dilihat dan diperhatikan.

Pemerhatian (*observation*) terhadap kelakuan manusia juga dapat digunakan untuk membuat penakulan tentang keperluan mereka. Begitu juga pembacaan mengenai keperluan manusia dan kajian-kajian yang telah dilakukan tentangnya dapat membentuk profil keperluan umum yang tepat dan sesuai.

Teknik Delphi juga selalu digunakan untuk mendapat persepakatan pakar mengenai keperluan pelajar di dalam kurikulum terutama dalam menentukan objektif pendidikan.

Model-model NA

Perkembangan NA berkait rapat dan dipengaruhi oleh penekanan terhadap ketepatan dan kebolehpercayaan sesuatu kurikulum. Sesuatu kurikulum diwujudkan berasaskan matlamat dan objektif tertentu. Matlamat dan objektif pendidikan yang digubal mestilah betul-betul akan membuahkan hasil pembelajaran yang dikehendaki. Matlamat dan objektif pendidikan tersebut mestilah berasaskan kajian yang teliti dan rapi. Salah satu pendekatan yang digunakan untuk memastikan hal tersebut adalah melalui NA. Oleh sebab itulah pakar-pakar pengajaran bahasa untuk tujuan-tujuan khas (PBUTK) seperti Munby, Mackay & Bosquet, Robinson dan lain-lain lagi menegaskan bahawa terdapat hubungan terus di antara PBUTK dan NA.

Oleh kerana NA adalah satu proses yang penting dalam perancangan dan pembangunan kurikulum, ianya perlu dilakukan secara bersistematik berdasarkan teori-teori yang dikemukakan oleh pakar-pakar perancangan pendidikan. Demikian juga beberapa konsep penting perlu mendapat perhatian sewajarnya oleh perancang pendidikan semasa melakukan penilaian keperluan bagi satu-satu program yang hendak dijalankan. Pakar-pakar NA menegaskan bahawa tidak ada satupun model atau kerangka konseptual yang telah diterima untuk semua bentuk NA secara menyeluruh. Keperlbagaian pendekatan NA dapat difahami dengan lebih baik melalui pengujian berbagai-bagai model NA yang dibangunkan untuk pelbagai tujuan dan kontek. Witkin menyatakan dalam bukunya bahawa Kamis seorang pakar dalam bidang penilaian keperluan dan perancangan perkhidmatan kemanusiaan (human services) percaya bahawa tidak satu kaedah yang muktamad untuk NA bahkan terdapatnya perbagai strategi dan prosedur boleh digunakan samada secara langsung atau tidak langsung.²⁶

Antara teori perancangan dan pembangunan kurikulum yang dikemukakan oleh pakar-pakar perancangan pendidikan ialah teori

Tyler. Kebanyakan perancangan pendidikan moden adalah bermula dengan membincangkan tujuan dan sumber bagi kurikulum tersebut. Empat soalan yang dikemukakan oleh beliau dianggap sebagai lakaran asas bagi perancangan kurikulum dan rekaan silibus di dalam linguistik gunaan iaitu: ²⁷

1. Apakah tujuan-tujuan pendidikan yang sepatutnya dicapai?
2. Apakah pengalaman-pengalaman pendidikan yang boleh disediakan untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut?
3. Bagaimanakah pengalaman-pengalaman tersebut dapat dikelolakan dengan berkesan?
4. Bagaimanakah kita dapat menentukan tujuan-tujuan tersebut akan dicapai?

Jawapan-jawapan kepada soalan-soalan tersebut telah menghasilkan pelbagai jenis orientasi kepada perancangan dan pembuatan keputusan sama ada rekabentuk tersebut berasaskan pengetahuan, kecekapan khusus, aktiviti dan permasalahan sosial, proses pembelajaran, perasaan dan sikap ataupun berasaskan keperluan dan minat pelajar. Apabila rekabentuk kurikulum diasaskan kepada keperluan pelajar, maka satu NA perlu dilakukan untuk mengenalpasti keperluan-keperluan tersebut. Pemilihan model, pendekatan, prosedur dan instrumen dalam NA perlulah dilakukan dengan baik berdasarkan tujuan, kontek dan keputusan yang akan dibuat melalui dapatan yang diperolehi nanti.

Secara umumnya terdapat dua pendekatan yang digunakan untuk menilai keperluan bahasa pada iaitu model induktif dan model deduktif. Antara pendekatan NA bersistematik yang digunakan dalam model induktif adalah "*matrik socio-topikal Stervik*" di mana matrik tersebut dilukis dengan "beberapa keperluan pelajar yang amat mendesak untuk saling berinteraksi" (*kinds of people the learner most urgently to interact with*) dibariskan bertentangan dengan "perkara-perkara yang pelajar

amat mahu bercakap tentangnya" (*the things a learner is most likely to want to talk about*).²⁸

Antara model induktif ialah apa yang dikenali sebagai model analisis situasi sasaran (*target situation analysis*) yang menekankan tabiat dan kesan bahasa komunikasi sasaran di dalam situasi khusus. Satu model yang serupa dengannya dikenali sebagai (*Critical Incident Technique*). Dalam pendekatan ini, "insiden kritikal" ialah kesukaran dalam komunikasi di mana pelajar menimba pengalaman semasa mencuba menyelesaikan sesuatu masalah.

Manakala model-model deduktif pula adalah pelengkap kepada model-model induktif. Antara model deduktif yang telah dikemukakan oleh Richterich dan Chacerel ialah cuba membuat lakaran satu kerangka bagi penilaian keperluan bahasa dan mengemukakan satu senarai yang komprehensif tentang topik-topik yang mana data-data dikumpul oleh pelbagai cara.²⁹

Trim pula mengemukakan satu bilangan yang sangat luarbiasa mengenai kombinasi yang mungkin dalam kategori dan sub-kategori pemerolehan maklumat yang terdapat dalam model Richterich terdahulu. Pengumpulan data disusun kepada tiga kategori maklumat asas iaitu:

- i) keperluan pelajar yang dikenalpasti olehnya sendiri;
- ii) keperluan pelajar yang dikenalpasti oleh organisasi pendidikan; dan
- iii) keperluan yang dikenalpasti oleh pengguna-institusi.³⁰

Model "pemproses keperluan komunikatif" (*communicative needs processor*) yang dikemukakan oleh Munby dianggap sebagai model-mekanisma yang paling baik yang telah dibangunkan untuk menginterpretasi keperluan pembelajaran bahasa khusus. Model ini mengemukakan satu rasional yang terdiri daripada pelbagai kategori

yang perlu diisi dengan data yang diperolehi dari interview dengan pelajar. Idea utama ialah mendapat persetujuan tentang apa yang akan muncul yang mana ianya diyakini akan menjadi pengkategorian yang menyeluruh mengenai " fungsi mikro " pada tahap kedua dalam pemproses tersebut.³¹

Carrier pula telah mengemukakan satu kaedah yang sangat canggih untuk menarik penilaian responden terhadap sub-kemahiran bahasa. Responden diminta membuat penilaian terhadap satu senarai sub-kemahiran dari kepentingan yang berkemungkinan wujud - sebagai contoh seperti di pejabat - dari empat sudut pandangan berkaitan kerja (*work-related perspective*) iaitu: keperluan (*necessity*), keutamaan (*priority*), masalah yang disebabkan oleh kegunaan yang tidak efektif dan kepentingan (*importance*). Responden akan menilai item-item satu persatu dan membuat tanda (*check-mark*) untuk menyempurnakan soal selidik tersebut.³²

Penutup

Keperluan bahasa pelajar adalah satu gerak kerja yang perlu dilakukan sebelum dan semasa sesuatu kurikulum dirancang dan digubal. Ini bertujuan untuk mengenalpasti keperluan sebenar pelajar dalam mempelajari bahasa kedua. Ia dapat membantu pengubal-pengubal kurikulum menentukan objektif, isi kandungan, pendekatan dan teknik pengajaran seterusnya teknik penilaian yang sesuai dengan keperluan tersebut. Kajian keperluan bahasa juga perlu dilakukan dari masa ke semasa memandangkan keperluan pelajar mungkin berubah mengikut keadaan dan masa.

NOTA HUJUNG

- ¹ Dewan Bahasa dan Pustaka. 1996. *Kamus Dewan Edisi Tiga*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm 1023. Perkataan "keperluan" dalam bahasa Arab adalah (الحاجات) manakala dalam bahasa Inggeris ialah (needs)
- ² Sharifah Alwiah Alsaghoff. 1988. *Psikologi Pendidikan 1: Konsep-konsep Asas Psikologi dan Psikologi Pendidikan, Psikologi Perkembangan*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur. Longman Malaysia Sdn Bhd, hlm 204
- ³ Witkin, B. R. and Altschuld, J. W. 1995. *Planning and Conducting Needs Assessments: A Practical Guide*. Sage Publications: Thousand Oaks, CA
- ⁴ McKillip, J. 1987. *Need Analysis: Tools for the Human Service and Education. Applied Social Research Methods Series, Volume 10*. California : Sage Publications, Inc. hlm 10
- ⁵ Hutchinson, T. and Waters. 1987 *English for Specific Purposes*, Cambridge :Cambridge University Press.
- ⁶ *Ibid.* hlm 55- 62
- ⁷ Brindley, G. 1989 . The role of needs analysis in adult ESL programme design. Dlm Johnson, R.K. (pnyt.) *The second language curriculum*, hlm 63 -90. Great Britain: Cambrige University Press.
- ⁸ *Ibid.*
- ⁹ Muhammad Soleh Ali Jan. 2006. *Usus al-manahij wa anasiriha wa tanzimatuha min manzur islamiyy* . Makkah : Matabi' al-Wahid. Hlm. 303
- ¹⁰ Setengah riwayat mengatakan ianya adalah kata-kata Sayyidana Umar bin al-Khattab R.A.
- ¹¹ Al-Damardasy Abdul Majid Sarhan. 1988. *Al-Manahij al-muasarahb*. Kuwait: Dar al-nahdah al-arabiah. hlm. 88
- ¹² Mahmud Kamil al-Naqah. 1985. *Ta'lim al-lughah al-Arabiah linnatiqin bilughatin ukhra: ususu - madakhiluhu - turuqu tadrishi*. Makkah : Ummul Qura Universiti. hlm 31 - 35
- ¹³ Hutchinson, T. &Water, A. 1996. *English for specific purpose*. Cambridge: Cambridge University Press. hlm 16 - 19
- ¹⁴ Misalnya Robinson, 1980; Swales, 1990; Yalden, 1987; Widdowson, 1981.
- ¹⁵ Nunan, D. 1988. *The learner-centered curriculum*. Cambridge: Cambridge University Press. hlm 52
- ¹⁶ Tarone, E, & Yule, G. 1989. *Focus on the language learner: Approaches to identifying and meeting the needs of second language learners*. Oxford: Oxford University Press.

- ¹⁷ Norris, J. M., Brown, J. D., Hudson, T., & Yoshioka, J. 1998. *Designing second language performance assessments*. Honolulu, HI: Second Language Teaching and Curriculum Center, University of Hawai'i Press
- ¹⁸ Long, M. H., & Crookes, G. 1992. *Three approaches to task-based syllabus design*. *TESOL Quarterly*, 26 (1), 27-56.
- ¹⁹ Birckbichler, D. W., & Corl, K. A. 1993. Perspectives on proficiency: Teachers, students, and the materials that they use. Dlm J. K. Phillips (pnyt.), *Northeast conference on the teaching of foreign languages: Reflecting on proficiency from the classroom perspective*, hlm. 115-158. Lincolnwood, IL: National Textbook Company.
- ²⁰ Savignon, S. J. 1997. *Communicative competence theory and classroom practice: Texts and contexts in second language learning*. New York: McGraw-Hill.
- ²¹ Crookes, G., & Schmidt, R. W. 1991. Motivation: Reopening the research agenda. *Language Learning*, 41 (4), Hlm 469-512.
- ²² Graves, K. 2000. *Designing Language Courses: A guide for teacher*. Kanada: Heinle & Heinle Publishers. hlm 99
- ²³ Pemegang kepentingan boleh jadi individu, kumpulan ataupun kerajaan.
- ²⁴ Sharifah Alwiah Alsaghoff. 1988. *Psikologi Pendidikan 1: Konsep-konsep Asas Psikologi dan Psikologi Pendidikan, Psikologi Perkembangan*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn Bhd, hlm 204
- ²⁵ Pratt, D. 1980. *Curriculum: Design and development*. New York: Harcourt Brace Jovanovich, Inc. Hlm 84 - 88.
- ²⁶ Witkin, B.R. 1984. *Assessing needs in educational and social programs*. San Francisco, California: Jossey-Bass Inc. Publisher . Hlm 29
- ²⁷ Berwick, R. 1989. Needs assessment in language programming: from theory to practice. Dlm Johnson, R.K. (pnyt.) *The second language curriculum*, hlm 48 -62. Great Britain: Cambridge University Press.
- ²⁸ Stervick, E.W. 1971. *Adapting and writing language lessons*. Washinton, D.C: Foreign Service Institute US Department of State.
- ²⁹ Richterich, R. and J.L. Chancerel (pnyt.) 1980. *Identifying the needs of adult learning a foreign language*. Oxford: Pergamon Press.
- ³⁰ Trim, J.L.M. 1980. The place of needs analysis in the Council of Europe modern language project. In Altman and James : 46 - 65
- ³¹ Munby, J. 1978. *Communicative syllabus design*. Cambridge: Cambridge University Press.
- ³² Carrier, M. 1983. Computer assisted needs analysis. *Language Training* 4 (4). Hlm 3-5